

## **ANALOGI HADIS TERHADAP PETUA DAN PANTANG LARANG PENGHAMBAT REZEKI DALAM KITAB TA'LIM WA AL-MUTA'LLIM KARYA AL-ZARNUJI: KAJIAN DI KUALA LIPIS PAHANG**

(Analogies of Hadith Regarding Advice and Prohibitions that Hinder Blessings in the Book of *Ta'lim wa Al-Muta'llim* by Al-Zarnuji: A Study in Kuala Lipis, Pahang)

Mohd Zahir Abdul Rahman<sup>1</sup>, Mohamad Hafizuddin Mohamed Najid<sup>2</sup>, Ahmad Murshidi Mustapha<sup>3</sup>,  
Mohd Miqdad al-Aswad<sup>4</sup>, Shah Rizul Izyan Zulkiply<sup>5</sup>

<sup>1,2,5</sup>Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, <sup>3,4</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari,  
Universiti Teknologi Mara

### **Abstract**

The Malay community represents the largest majority group in Malaysia and is rich in traditional wisdom and practices that are a part of the social fabric and shared in communal life. These traditional wisdom and practices are manifested through various old adages and taboos believed to have an impact on life. Therefore, an analysis of the book *Ta'lim wal Muta'llim* specifically focuses on the chapter of adages and taboos that hinder one's livelihood, which can be associated with the discussion of hadith analogy and the analysis of the elderly population in Kuala Lipis, Pahang. The use of this book is seen as closely related to the Malay community. From the research, it was found that 34 adages and taboos that invite poverty listed through the work of al-Zarnuji are closely related to elements within the Malay community in Kuala Lipis, Pahang. The results show that out of these 34 adages, 31 are commonly heard among the people of Kuala Lipis, and they can be linked to 21 Hadiths. The remaining ones are not related to Hadith sources. Furthermore, these adages and taboos are seen as beneficial guidance and advice for the community in navigating the course of life, and some are still practiced to this day.

**Kata Kunci:** Hadith, Traditional Wisdom, Taboos, Livelihood Hindrances, *Ta'lim Wal Muta'llim*

### *Article Progress*

Received: 31 August 2023

Revised: 19 September 2023

Accepted: 30 October 2023

\*Corresponding Author:  
Mohd Zahir Abdul Rahman  
Fakulti Pengajian Quran  
dan Sunnah, USIM.

Email:  
zahir@usim.edu.my

### **PENDAHULUAN**

Perbuatan seorang Muslim yang mengarah kepada kebaikan akan diganjar pahala. Unikunya Islam tidak hanya melakukan kebaikan bahkan menunjukkan sesuatu kebaikan turut sama mendapat ganjaran pahala seumpama orang yang melakukan kebaikan. Hujah ini disandarkan dengan Hadis Muslim, no.1893 daripada Abi Mas'ud yang berkata Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ دَلَّ عَلَى خَيْرٍ، فَلَهُ مِثْلُ أَجْرِ فَاعِلِهِ

Maksudnya: "Barangsiapa menunjukkan suatu kebaikan, maka ia mendapatkan pahala seperti pahala orang yang melakukannya."

Melakukan kebaikan kepada manusia adalah perkara yang digalakkan Islam. Ianya banyak diceritakan didalam al-Quran dan Hadis Nabi ﷺ berkenaan galakkan membantu sesama manusia. Umat Islam dianjurkan agar saling membantu sesama manusia, meringankan bebanan dan menyelesaikan kesusahan mereka semampu yang boleh. Menyayangi sesama muslim, berbuat baik serta membantu mereka dalam Islam adalah dianggap sebahagian daripada aspek keimanan<sup>1</sup>. Lantaran itu, dengan hanya menunjukkan suatu kebaikan kepada seseorang seolah-olah menepati petua-petua orang dahulu yang tersirat dengan kebaikan. Petua itu sendiri merupakan kumpulan koleksi nasihat atau panduan yang

berguna tentang kaedah dalam melaksanakan sesuatu dengan cara yang berkesan. Warga emas atau orang yang berpengalaman selalunya memelopori petua ini (Kawaid, 2022). Masyarakat Melayu kaya dengan kepercayaan dan amalan turun temurun yang diwarisi sejak dahulu kala serta menjadi sebahagian daripada peraturan sosial dan dikongsi bersama dalam kehidupan bermasyarakat. Kepercayaan dan amalan ini turut diadaptasikan melalui petua-petua tradisional dan pantang larang yang diyakini secara turun temurun sehingga kesannya telah sebatih kehidupan seharian. Menurut Hamidah Abdul Wahab (2013), nasihat dan panduan yang dikaitkan dengan istilah petua adalah berasaskan kepada kepercayaan, adat dan budaya setempat. Manakala pantang larang merujuk kepada sesuatu yang dilarang melakukannya menurut adat atau kepercayaan (Kamus Dewan, 2016). Justeru, kajian ini cuba merungkai analogi atau persamaan hadis dengan petua-petua yang mengundang kefakiran yang ada di dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'allim* karya al-Zarnuji seterusnya dikaitkan dengan kefahaman segelintir warga emas di Kuala Lipis berkaitan petua yang dinyatakan.

### BIOGRAFI PENGARANG KITAB *TA'LIM WA AL-MUTA'ALLIM*

Al-Zarnuji atau nama lengkapnya Burhan al-Din Ibrahim al-Zarnuji al-Hanafi. Nisbah "al-Zarnuji" pada suatu tempat bernama Zarnuji, iaitu sebuah tempat yang berada di wilayah Turki. Sementara kata "al-Hanafi" dinisbatkan kepada nama mazhab yang dianutnya, yakni mazhab Hanafi. Beberapa peneliti berpendapat bahawa dilihat dari nisbahnya nama al-Zarnuji diambil berdasar pada daerah dari mana ia berasal iaitu daerah "Zarand" iaitu salah satu daerah di wilayah Persia yang pernah menjadi ibu kota Sidjistan yang terletak disebelah selatan Herat. Perjalanan kehidupan al-Zarnuji tidak dapat diketahui secara pasti. Walau bagaimanapun, beliau dikatakan hidup pada masa kerajaan Abbasiyah di Baghdad. Menurut Al-Quraisyi, al-Zarnuji hidup pada abad ke-13 M. Sementara para orientalis seperti G.E. Von Grunebaun, Theodora M. Abel, Plessner dan J.P. Berkey mendakwa al-Zarnuji hidup di penghujung abad 12 dan awal abad 13 M (Abudin Nata, 2001). Mochtar Affandi dalam tesisnya "The Method of Muslim Learning as Illustrated in Al-Zarnuji's *Ta'lim al Muta'allim* (1990)" mengatakan bahawa asal dari Burhanuddin al-Zarnuji dilihat dari nisbah namanya al-Zarnuji, bererti al-Zarnuji berasal dari wilayah Zarandj yang merupakan sebuah kota di Sidjistan pada abad pertengahan yang sekarang dikenal dengan Afghanistan.

Al-Zarnuji menuntut ilmu di Bukhara dan Samarkand. Dua tempat ini terkenal sebagai pusat keilmuan dan pengajaran. Semasa belajar, al-Zarnuji banyak menimba ilmu dari; Syeikh Burhan al-Din, pengarang buku al-Hidayah; Khawahir Zadah, seorang mufti di Bukhara; Hamad bin Ibrahim, seorang yang dikenal sebagai fakih, mutakallim, sekaligus adib; Fakhr al-Islam al-Hasan bin Mansur al-Auzajandi al-Farghani; al-Adib al-Mukhtar Rukn al-Din al-Farghani yang dikenal sebagai tokoh fiqh dan sastra; juga pada Syeikh Zahir al-Din bin 'Ali Marghinani, yang dikenal sebagai seorang mufti.

*Ta'lim al-Muta'allim Tariq al-Ta'allum* merupakan kitab termahsyur al-Zarnuji yang dijadikan rujukan hingga kini. Menurut Haji Khalifah, kitab ini merupakan satu-satunya kitab yang dihasilkan oleh al-Zarnuji. Meski menurut peneliti yang lain, *Ta'lim al-Muta'allim*, hanyalah salah satu dari sejumlah kitab yang ditulis oleh al-Zarnuji. Seorang orientalis, M. Plessner, mendakwa bahawa kitab *Ta'lim al-Muta'allim* adalah salah satu karya al-Zarnuji yang masih tersisa. Plessner menegaskan bahawa, al-Zarnuji memiliki karya lain, tetapi banyak hilang, kerana serangan tentara Mongol yang dipimpin oleh Hulagu Khan terhadap kota Baghdad pada tahun 1258 M. Oleh itu, Al-Zarnuji merupakan tokoh yang telah memberikan sumbangan berharga bagi perkembangan pendidikan Islam.

### KITAB *TA'LIM WA AL-MUTA'ALLIM*

Dikatakan al-Zarnuji mempunyai karya yang lain namun, kemungkinan besar karya beliau yang lain turut musnah melainkan hanya tersisa kitab *Ta'lim al-Muta'allim* (Awaludin, 1999). Menerusi pendahuluan dalam kitab ini al-Zarnuji menyatakan mendahulukan dengan pujian dan rasa syukur kepada Allah SWT yang telah melimpahkan hikmatnya atas ilmu dan amal atas semesta alam, dan mengucapkan salawat kepada Nabi Muhammad ﷺ, tokoh arab dan keluarga, sahabat-sahabat beliau yang merupakan sumber ilmu pengetahuan dan hikmah. Seterusnya al-Zarnuji menggambarkan kegelisahan terhadap penuntut ilmu yang tekun tetapi tidak mampu mengambil manfaat terhadap ilmu

Commented [nn1]: boleh delete

yang dipelajari. Pertama: Mengamalkan dan menyebarkan ilmu yang dipelajari. Kedua: Al-Zarnuji mengharapkan doa daripada gurunya yang alim dan arif itu untuk para pencinta ilmu semoga diberi kebahagiaan di hari kemudian. *Kitab ini mempunyai* tiga belas fasal sebagaimana berikut:

Jadual 1. Fasal yang Terkandung dalam Kitab *Ta'lim Wa Al-Muta'llim*

BIL	FASAL	TERJEMAHAN
1.	في ماهية العلم، والفقه، وفضله	Menerangkan hakikat ilmu, hukum mencari ilmu, dan keutamaannya.
2.	في النية في حال التعلم	Niat dalam mencari ilmu.
3.	في اختيار العلم، والأساتذ، والشريك، والنيات	Cara memilih ilmu, guru, sahabat dan ketekunan
4.	في تعظيم العلم وأهله	Cara menghormati ilmu dan guru
5.	في الجد والمواظبة والهمة	Kesungguhan dalam mencari ilmu, beristiqamah dan cita-cita yang luhur.
6.	في بداية السبق وقدره وترتيبه	Ukuran dan urutannya
7.	في التوكل	Tawakal
8.	في وقت التحصيل	Waktu belajar ilmu
9.	في الشفقة والنصيحة	Saling mengasihi dan saling menasehati
10.	في الإستفادة واقتباس الأدب	Mencari tambahan ilmu pengetahuan
11.	في الورع	Bersikap wara' ketika menuntut ilmu
12.	فيما يورث الحفظ، وفيما يورث النسيان	Hal-hal yang dapat menguatkan hafalan dan yang melemahkannya
13.	فيما يجلب الرزق، وفيما يمنع، وما يزيد في العمر، وما ينقص	Hal-hal yang mempermudah datangnya rezeki, dan yang dapat memperpanjang, dan mengurangi umur.

## SKOP KAJIAN

Kajian ini merangkumi perbincangan beberapa Hadis bersifat tematik yang mempunyai hubungan kait secara umum dengan koleksi petua yang berada dalam tiga belas fasal iaitu “Perkara yang Menambahkan Rezeki dan Menghalangkannya dan Perkara yang Boleh Menambahkan Umur dan Mengurangkannya” dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'llim*. Seterusnya kajian diteruskan dengan melibatkan proses soal selidik secara rawak dengan menemubual 5 warga emas di Kuala Lipis Pahang yang dikira sudah berpengalaman dan matang dengan persekitaran sekeliling, budaya dan masyarakatnya. Respondan diambil dalam kalangan warga emas yang berusia 60 sehingga 75 tahun yang selalu menadah kitab di Masjid Kampung Kechor Tui Kuala Lipis Pahang. Mereka merupakan responden dalam mengenal pasti maksud sebenar petua atau pantang larang penghambat rezeki dalam kitab karya al-Zarnuji dalam konteks masyarakat Melayu dahulu kala. Penjelasan warga emas ini terhadap petua-petua ini berdasarkan pengalaman serta ingatan terhadap nasihat yang diberikan oleh ibu dan moyang mereka ketika masih kecil.

Sebanyak 34 petua mengundang kefakiran dikumpulkan menerusi kitab ini dalam mengetengahkan perkaitan rapat dengan unsur-unsur dalam masyarakat Melayu di Kuala Lipis Pahang, namun dengan batas dan penyesuaian berlandaskan agama Islam yang diamalkan dalam kehidupan seharian responden.

## KONSEP REZEKI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Perkataan rezeki ataupun dalam bahasa Arab disebut *al-Rizq* atau dalam Bahasa Melayu merujuk kepada pemberian ataupun kurniaan samada bersifat duniawi ataupun agama. Segala yang boleh dimanfaatkan, samada yang boleh dimakan ataupun tidak boleh dimakan maka itu rezeki (Al-Kafawi, 1998). Menurut 'Ali Jum'ah (2006) takrifan rezeki menurut Ahl Sunnah Wa-Al-Jamaah ialah sesuatu yang dikurniakan Allah kepada seseorang dan dimanfaatkannya. Sebaliknya menurut Muktazilah, apa sahaja yang dimiliki sama ada dimanfaatkan atau pun tidak tetap dikira sebagai rezeki. Ini bermakna

segala yang dimiliki dari perkara yang bermanfaat ataupun memberikan kebaikan buat kita sama ada di sudut keperluan dunia semata ataupun untuk agama maka itu adalah kurniaan ataupun rezeki. Rezeki bukan sahaja tertumpu kepada aspek minuman, makanan, harta, kenderaan dan segala rupa bentuk kebendaan semata, bahkan rezeki juga merangkumi aspek ilmu pengetahuan, kasih sayang, kebahagiaan, anak, isteri, kesihatan, keselamatan, kegembiraan dan seumpamanya.

Bekerja dan berusaha adalah sebahagian dari pelaksanaan ibadah yang ditekankan didalam Islam. Dalam al-Quran ada disebutkan ayat-ayat yang mendorong manusia untuk mengusahakan kehidupan yang lebih baik agar dapat menyempurnakan pelaksanaan ibadah. Ini dapat difahami dengan merujuk kepada surah al-Jumu'ah ayat 10:

﴿فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ﴾

Maksudnya: Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

Berdasarkan ayat di atas, difahami bahawa manusia diperintahkan untuk berusaha dan berikhtiar dalam mencari rezeki untuk mengusahakan kehidupan yang lebih baik. Mencari rezeki bererti berhubung dengan secara langsung dengan Allah SWT. Hal ini terkait kerana Allah SWT adalah pemberi rezeki kepada umat manusia. Dengan meyakini bahawa Allah SWT sebagai satu-satunya pemberi rezeki akan membebaskan manusia dari tindakan syirik dan meningkatkan keyakinan dalam konsep ketuhanan kerana menggantungkannya hanya kepada Allah SWT. Pemberian rezeki oleh Allah SWT kepada manusia dengan tujuan utamanya agar manusia memanfaatkan rezeki tersebut untuk meneruskan kehidupan sekaligus agar dapat menjalankan tugas utama manusia di dunia sebagai khalifah dengan beribadah kepada Allah SWT (Endri Yenti, Hasramita, Hanif Aidhil Alwana, 2020).

Jadual 2. Petua Mengundang Kefakiran

BIL	PETUA	TERJEMAHAN
1.	والنوم عريانا	Tidur bertelanjang.
2.	والبول عريانا	Mandi bertelanjang.
3.	والأكل جنباً، والأكل متكئاً على جنب	Makan dalam keadaan berhadap besar atau makan secara bersandar.
4.	والتهاون بسقوط المائدة	Memandang mudah sisa-sisa makanan yang jatuh berserakan.
5.	وحرق قشر البصل والثوم	Membakar kulit bawang merah dan bawang putih.
6.	وكس البيت في الليل بالمنديل	Menyapu rumah pada malam hari.
7.	وترك القمامة في البيت	Meninggalkan sampah yang disapu di dalam rumah.
8.	والمشي قدام المشايخ	Berjalan di hadapan orang-orang tua.
9.	ونداء الوالدين باسمهما	Memanggil nama ibu bapa dengan cara berteriak.
10.	والخلال بكل خشبية	Menyungkil gigi dengan sebarang kayu.
11.	وغسل اليدين بالطين والتراب	Membasuh tangan dengan tanah liat dan debu.
12.	والجلوس على العتبة	Duduk di atas beranda pintu.
13.	والاتكاء على أحد زوجي الباب	Bersandar pada daun pintu.
14.	والتوضؤ في المبرز	Berwuduk di tempat orang istirahat/ jamban.
15.	وخيطة الثوب على بدنه	Menjahit pakaian yang sedang di pakai.
16.	وتحفيف الوجه بالنوب	Mengeringkan muka dengan pakaiannya sendiri.

17.	وترك العنكبوت في البيت	Membiarkan sarang lebah berada dirumah.
18.	والتهاون في الصلاة	Meringankan solat.
19.	وإسراع الخروج من المسجد بعد صلاة الفجر	Bergegas keluar masjid setelah solat Subuh.
20.	والإبتكار بالذهاب إلى السوق والباطء في الرجوع منه	Pergi ke pasar pagi-pagi dan lambat balik.
21.	وشرء كسرات الخبز من الفقراء	Membeli makanan dari peminta-minta.
22.	السؤال، ودعاء الشر على الوالد	Mendoakan buruk kepada anak.
23.	وترك تخمير الأواني	Membiarkan makanan tidak tertutup.
24.	وإطفاء السراج بالنفس	Mematikan lampu dengan kaedah meniup.
25.	الكتابة بالقلم المعقود	Menulis dengan pen yang pecah dan diikat (kerana patah dan rosak).
26.	الإمتشاط بالمشط المنكسر	Bersikat rambut dengan sikat yang patah.
27.	ترك الدعاء للوالدين	Meninggalkan doa kebaikan kepada ibu bapa.
28.	التعمم قاعدا	Melilit serban sambal duduk.
29.	التسرول قائما	Memakai seluar sambal berdiri.
30.	البخل والتقتير	Bakhil dan berkira dalam berbelanja.
31.	الإسراف	Boros.
32.	الكسل	Malas.
33.	التواني	Lemah.
34.	التهاون في الأمور	Memperudahkan-mudahkan dalam urusan.

## ANALOGI HADIS TERHADAP BEBERAPA PETUA PANTANG LARANG PENGHAMBAT REZEKI

Beberapa hadis dipilih dalam memberi penerangan serta menambah beberapa analogi penjelasan berkenaan dengan beberapa petua pantang larang. Ianya dapat menonjolkan kepentingan petua tersebut dalam menggalakkan aktiviti berbuat baik kepada orang ramai sesuai dengan dapat hadis.

### Mandi & Tidur Telanjang

Petua ini sering berlegar-legar dalam kalangan masyarakat. Sedangkan dalam Hadis menggambarkan tidak boleh melihat aurat kecuali terhadap pasangan suami isteri. Sebagaimana disebutkan dalam hadis Abu Dawud, no. 4017 dan Tirmidhi, no. 2794 daripada Bahz bin Hakim, daripada ayahnya, dari atuknya, bahawasanya Nabi ﷺ bersabda,

أَحْفَظُ عَوْرَتَكَ إِلَّا مِنْ زَوْجَتِكَ أَوْ مِمَّا مَلَكَتْ يَمِينُكَ " فَقَالَ الرَّجُلُ يَكُونُ مَعَ الرَّجُلِ قَالَ إِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا يَرَاهَا أَحَدٌ فَأَفْعَلْ ".  
فُلْتُ وَالرَّجُلُ يَكُونُ خَالِيًا. قَالَ فَاللَّهُ أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيَا مِنْهُ

Maksudnya: "Peliharalah aurat kamu, melainkan daripada isterimu atau hamba sahayamu." Sahabat itu bertanya lagi: "Jika lelaki ketika bersama dengan lelaki?" Baginda menjawab: "Jika engkau mampu agar tidak dilihat aurat oleh seorang pun, maka hendaklah engkau lakukan." Sahabat itu bertanya lagi: "Jika seorang lelaki itu bersendirian?" Sabda baginda: "Maka Allah lebih berhak untuk seseorang itu malu terhadapNya." Justeru menutup aurat ketika bersendirian itu adalah dituntut melainkan jika terdapat hajat, seperti mandi, menyejukkan badan dan seumpamanya."

Menurut Ibn Hajar (1996), hukum bagi sesiapa yang mandi tanpa sebenang urat (telanjang) sekiranya dia berada di tempat yang tersembunyi dan tidak dilihat oleh sesiapaupun yang diharamkan ke atasnya melihat aurat orang tersebut, maka halal baginya untuk melakukannya. Namun, keutamaannya adalah menutup aurat kerana segan atau malu dengan Allah. Jika seseorang itu mandi dengan hanya dapat

dilihat oleh seseorang lain maka haram orang tersebut melihat auratnya dan wajib ke atasnya menutup auratnya daripada orang tersebut secara ijmak sebagaimana diriwayatkan”.

Imam al-Nawawi dalam kitabnya *al-Majmu`*, jilid 2 halaman 197:

“Inilah mazhab kita (harus mandi telanjang). Dan Qadhi Iyadh menukulkan daripada majoriti ulama tentang keharusan mandi dalam keadaan telanjang ketika berseorangan”.

Antara adab yang perlu dijaga oleh seorang yang ingin mandi tanpa sebarang urat pun adalah sebagaimana disarankan oleh sebahagian fuqaha:

“Sesiapa yang mandi tanpa sebarang pakaian (telanjang) disunatkan ketika menanggalkan pakaian mengucapkan “Dengan nama Allah, tiada yang berhak disembah melainkannya” kerana ia mampu menutup seseorang daripada terkena panahan mata-mata jin”. Perkara ini disebut oleh al-Dimyathi dalam kitabnya *Fanah al-Talibin*, jilid 1 halaman 97.

### **Makan Bersandar**

Daripada Abi Juhaifah, beliau berkata Rasulullah ﷺ bersabda:

أَنَا أَتَى فَلاَ أَكُلُ مَسَكِينًا

Maksudnya: “Adapun saya tidak suka makan sambil bersandar.” (al-Tirmidhi, no: 1830)

Ibnul Atsir rahimahullah berkata, “Yang dimaksud muttaki-an adalah condong ketika duduk bersandar pada salah satu sisi.” (Tawdhihul Ahkam, 5: 439)

Disebutkan oleh Ibnu Hajar (1996), “Mengenai makna ittika’ diperselisihkan maknanya oleh para ulama. Ada yang mengatakan, bersandar ketika makan dalam bentuk apa pun. Ada yang menjelaskan, yang dimaksud adalah condong pada salah satu sisi. Ada pula yang memaknakan dengan bersandar dengan tangan kiri yang diletakkan di lantai.”

Dari perkataan Imam Malik yang disimpulkan oleh Ibnu Hajar terdapat isyarat bahawa beliau memaksudkan duduk ittika’ untuk segala macam bentuk bersandar, tidak khusus pada cara duduk tertentu.

Ibnul Qashsh menyatakan bahawa hal ini hanya dimakruhkan untuk nabi. Namun Al Baihaqi menyatakan, yang lainnya pun dimakruhkan makan sambil bersandar. Karena cara makan seperti ini berasal dari para raja non Arab. Namun jika ada seseorang yang tidak memungkinkan makan selain dengan bersandar, hal itu tidak dikatakan makruh. Di antara alasan kenapa makan sambil bersandar terlarang karena dikhawatirkan perut menjadi bertambah buncit. Sebagaimana ada riwayat dari Ibnu Abi Syaibah dari jalan Ibrahim An Nakho’i (Ibnu Hajar, 1996). Menurut Ibn Hajar lagi, “Jika sudah disadari bahawasanya makan sambil bersandar itu dimakruhkan atau kurang utama, maka posisi duduk yang dianjurkan ketika makan adalah dengan menekuk kedua lutut dan menduduki bagian dalam telapak kaki atau dengan menegakkan kaki kanan dan menduduki kaki kiri.”

### **Membakar Kulit Bawang Merah Dan Bawang Putih**

Membakar kulit bawang merah atau putih dapat menghalang rezeki, kajian tidak menjumpai Hadisnya. Namun terdapat sebuah hadis yang terkait dengan bawang iaitu:

Daripada Jabir Bin Abdillah Radiyallahuanhuma: bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَكَلَ نَوْمًا أَوْ بَصَلَ فَلْيَعْتَرِلْنَا، أَوْ لِيَعْتَرِلْ مَسْجِدَنَا

Maksudnya: Barang siapa yang makan bawang, maka jangan mendekati masjid kami atau jangan solat bersama kami. (Al-Bukhari, no: 5452)

Salah satu jalan rezeki adalah dengan mengeratkan hubungan sosial atau jaringan pertemuan kita didunia ini. Sekiranya perbuatan membakar kulit bawang ini menjadi suatu amalan, berkemungkinan jiran terdekat akan terganggu dengan baunya, lantaran itu situasi ini menjadi kurang selesa. Boleh jadi pendekatan membakar kulit bawang ini bertitik tolak dengan sikap kita terhadap jiran tetangga.

### Menyapu Rumah Pada Malam Hari

Daripada Abu Malik al-Asy'ariy: bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ

Maksudnya: "Bersuci itu setengah daripada iman." (Muslim, No: 223)

Penting juga bagi kaum Muslim untuk selalu menjaga tempat tinggal dan lingkungan sekitarnya agar sentiasa bersih. Sebagaimana tercantum dalam hadis kebersihan berikut:

إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ يُحِبُّ الطَّيِّبَ نَظِيفٌ يُحِبُّ النَّظَافَةَ كَرِيمٌ يُحِبُّ الْكَرَمَ جَوَادٌ يُحِبُّ الْجُودَ فَتَطَهَّرُوا أَرَاهُ قَالَ أَفَيَبْتَكُمُ وَلَا تَتَّبِعُوا بِالْيَهُودِ

Maksudnya: Sesungguhnya Allah SWT itu baik, Dia menyukai kebaikan. Allah itu bersih, Dia menyukai kebersihan. Allah itu mulia, Dia menyukai kemuliaan. Allah itu dermawan ia menyukai kedermawanan maka bersihkanlah olehmu tempat-tempatmu dan janganlah kamu menyerupai kaum Yahudi. (al-Tirmidhi, no: 2799)

**Meninggalkan Sampah Yang Disapu, Duduk Di Atas Beranda Pintu atau Bersandar Pada Daun Pintu, Menjahit Pakaian Yang Sedang Di Pakai, Menulis dengan pen yang pecah dan diikat (kerana patah dan rosak), Bersikat rambut dengan sikat yang patah dan Memakai seluar sambal berdiri.**

Daripada Abu Hurairah, bersabda Rasulullah ﷺ:

الْإِيمَانُ يَضَعُ وَسَبْعُونَ أَوْ يَضَعُ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَدْنَاهَا إِمَاطَةُ الْأَذَى عَنِ الطَّرِيقِ وَالْحَيْأَةُ شُعْبَةٌ مِنَ الْإِيمَانِ

Maksudnya: "Iman itu 70 dan sekian cabang, yang paling tinggi adalah kalimah Laa Ilaaha Illallah, yang paling rendah adalah menyingkirkan gangguan dari jalanan" (Muttafaqun 'alaih)

Jika membuang sampah gelas atau seerti dengannya, dikhuatiri akan menimbulkan bahaya untuk orang lain. Jika begitu halnya, maka terdapat sisi larangannya iaitu membuat gangguan bagi orang lain. Dalil diatas hal ini adalah melalui sabda Nabi ﷺ:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: "Janganlah memulai memberikan bahaya pada orang lain, jangan pula membalas memberi bahaya" (Ibn Majah, no: 2341).

### Berjalan Di Hadapan Orang-Orang Tua

Daripada Anas Bin Malik, bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ سَرَّهُ أَنْ يُمَدَّ لَهُ فِي عُفْرِهِ وَيُوسَّعَ لَهُ فِي رِزْقِهِ وَيُدْفَعَ عَنْهُ مِثْقَالُ السُّوءِ فَلْيَتَّقِ اللَّهَ وَلْيَصِلْ رَحْمَهُ.

Maksudnya: Siapa saja yang ingin dipanjangkan umurnya dan bertambah rezekinya, hendaklah ia berbakti kepada kedua orang tuanya dan menyambung silaturahmi. (Ahmad, no:1213).

Dari ‘Abdullah bin Zahr, ia berkata: “Termasuk durhaka pada orang tua adalah engkau memanggil orang tua dengan namanya saja dan engkau berjalan di depannya.” (Al-Majmu’, 8: 257)

### Memanggil Nama Ibu Bapa Dengan Cara Berteriak

Menghormati yang lebih tua ini juga diingatkan dalam Hadis ‘Abdullah bin ‘Amr bin Al-‘Ash, ia berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda,

لَيْسَ مِنَّا مَنْ لَمْ يَرْحَمْ صَغِيرَنَا وَيُوقِّرْ كَبِيرَنَا

Maksudnya: “Tidak termasuk golongan kami siapa yang tidak menyayangi yang kecil di antara kita dan tidak menghormati yang lebih tua di antara kita.” (Tirmidhi no. 1919).

### Berwuduk Di Tempat Orang Istirehat

Daripada Aishah Radhiyallahu’anha, berkata:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا اغْتَسَلَ مِنَ الْجَنَابَةِ غَسَلَ يَدَيْهِ، وَتَوَضَّأَ وَضُوءَهُ لِلصَّلَاةِ ثُمَّ اغْتَسَلَ، ثُمَّ يُحَلِّلُ يَدَيْهِ شَعْرَهُ، حَتَّى إِذَا ظَنَّ أَنْ قَدْ أَرَوَى بَشْرَتَهُ، أَفَاضَ عَلَيْهِ الْمَاءَ ثَلَاثَ مَرَّاتٍ، ثُمَّ غَسَلَ سَائِرَ جَسَدِهِ. وَقَالَتْ كُنْتُ أَعْتَسِلُ أَنَا وَرَسُولُ اللَّهِ ﷺ مِنْ إِنَاءٍ وَاحِدٍ

Maksudnya: “Rasulullah ﷺ apabila mandi junub baginda akan membasuh kedua tangannya (pergelangan tangan), berwuduk sebagaimana wuduk untuk solat, kemudian baginda mandi. Seterusnya baginda memasukkan jari-jari (menyela) ke rambut baginda, sehinggalah baginda merasakan bahawa kulit kepala baginda basah, baginda mencurahkan air ke atasnya sebanyak tiga kali. Kemudian baginda membasuh keseluruhan badan baginda. Kata A’isyah lagi: Aku dahulu mandi bersama Rasulullah ﷺ dari bekas air yang sama.” (Al-Bukhari, no:272)

Imam Ibn Hajar al-Asqalani dalam mensyarahkan hadis menyebutkan bahawa: Pada hadis ini disunatkan untuk menyempurnakan wuduk sebelum mandi junub. Berdasarkan hadis di atas juga, jelas menunjukkan bahawa perlakuan wuduk tersebut berlaku di dalam bilik mandi kerana Nabi ﷺ sedang mandi junub. Hal ini tidak lain tidak bukan menunjukkan kepada keharusan berwuduk dalam bilik air.

### Meringankan Solat

Daripada Qatadah berkata bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

أَسْأَلُ النَّاسَ سَرِيفَةَ الَّذِي يَسْرِقُ مِنْ صَلَاتِهِ. قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، وَكَيْفَ يَسْرِقُ مِنْ صَلَاتِهِ؟ قَالَ: لَا يُؤْمِرُ رُكُوعَهَا وَلَا سُجُودَهَا أَوْ قَالَ: لَا يُؤْمِرُ صَلْبَهُ فِي الرُّكُوعِ وَالسُّجُودِ.

Maksudnya: “Seburuk-buruknya manusia adalah orang yang mencuri solatnya.” Para sahabat bertanya, “Wahai Rasulullah, bagaimana seseorang mencuri solatnya?” Rasulullah ﷺ menjawab,

“Iaitu seseorang yang tidak sempurna rukuk dan sujudnya, atau beliau bersabda, “Yaitu orang yang tidak lurus tulang belakangnya dalam rukuk dan sujud.” (HR. Ahmad)

Berdasarkan hadis tersebut, maka maksud dari pencuri solat adalah orang yang tidak melaksanakan solat dengan sempurna, yakni ketika rukuk dan sujud tulang punggungnya tidak lurus. Hal ini sangat mungkin terjadi terhadap orang yang terburu-buru dalam solatnya. Sehingga, ia melaksanakan solat hanya sekedar jungkir balik, tanpa memperhatikan gerakan solat dengan benar dan sempurna.

Bahkan di dalam riwayat imam Al-Baihaqi dalam kitab *Syua'bul Iman* disebutkan termasuk orang yang mencuri solatnya adalah yang tidak khusyuk atau thumakninah. Padahal, thumakninah adalah bagian dari rukun solat yang dapat menyebabkan solat itu batal atau tidak sah bila tidak dilakukan. Sehingga, ketika thumakninah itu tidak dilakukan maka ia sama saja mencuri salah satu rukun solat.

### **Bergegas Keluar Masjid Setelah Solat Subuh atau Pergi Ke Pasar Pagi-Pagi Dan Lambat Balik.**

Dari Abu Hurairah *radhiyallahu 'anhu*, Nabi ﷺ bersabda:

أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ مَسَاجِدُهَا ، وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللَّهِ أَسْوَاقُهَا

*Maksudnya: Tempat yang paling dicintai Allah adalah masjid dan tempat yang paling dibenci oleh Allah adalah pasar.* (Muslim, no: 671).

Menurut Imam an-Nawawi, pasar umumnya adalah tempatnya orang curang, menipu, transaksi riba, sumpah palsu, menyalahi janji, tidak ingat Allah, dan aktiviti lainnya yang semakna. Masjid adalah tempat turunnya rahmat. Sementara pasar kebalikannya. (Syahr Shahih Muslim, 5/171).

Justeru itulah, para sahabat menasihatkan agar mengurangi kegiatan di pasar jika tidak diperlukan.

Sahabat Salman al-Farisi mengatakan;

لَا تَكُونَنَّ إِنْ اسْتَطَعْتَ أَوَّلَ مَنْ يَدْخُلُ السُّوقَ ، وَلَا آخِرَ مَنْ يَخْرُجُ مِنْهَا ، فَإِنَّهَا مَعْرَكَةُ الشَّيْطَانِ ، وَهِيَ يَنْصِبُ رَايَتَهُ

*Maksudnya: Jika kamu bisa, janganlah menjadi orang yang pertama masuk pasar, dan yang terakhir keluar pasar. Kerana pasar adalah tempat berkumpulnya syaitan dan di sana mereka menancapkan benderanya.* (Muslim, no: 2451)

Dalam riwayat lain, dari Abu Uthman, dari Salman *radhiyallahu 'anhu*, beliau mengatakan:

إِنَّ السُّوقَ مَبِيزُ الشَّيْطَانِ وَمَفْرَحُهُ ، فَإِنْ اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا تَكُونَ أَوَّلَ مَنْ يَدْخُلُهَا وَلَا آخِرَ مَنْ يَخْرُجُ مِنْهَا فَافْعَلْ

*Maksudnya: Pasar adalah tempat syaitan bertelur dan beranak pinak. Jika kamu bisa, jangan menjadi orang yang pertama kali masuk pasar dan yang terakhir keluar pasar.* (Ibnu Abi Syaibah, no. 33987)

Demikian pula yang disampaikan sahabat Maitsam *radhiyallahu 'anhu*:

بَلَّغَنِي أَنَّ الْمَلَكَ يَغْدُو بِرَايَتِهِ مَعَ أَوَّلِ مَنْ يَغْدُو إِلَى الْمَسْجِدِ ، فَلَا يَزَالُ يَخْرُجُ مَعَهُ حَتَّى يَرْجِعَ ، فَيَدْخُلُ بِهَا مَنْزِلَهُ ، وَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَيَغْدُو بِرَايَتِهِ مَعَ أَوَّلِ مَنْ يَغْدُو إِلَى السُّوقِ

*Maksudnya: Saya pernah mendengar bahawa Malaikat berangkat dengan membawa benderanya untuk menyertai orang yang pertama kali datang ke masjid. malaikat akan terus mendampinginya sampai dia*

pulang, dan masuk ke rumahnya dengan membawa bendera itu. Sementara setan berangkat membawa benderanya untuk menyertai orang yang pertama kali masuk pasar. (Ibnu Abi Ashim dalam al-Ahad wal Matsani, 5/183, dan sanadnya dishahihkan al-Hafidz Ibnu Hajar).

Celaan para sahabat terhadap pasar ini difahami jika pasar itu tidak ada ikhtilat. Kerana di masa silam, pasar hanya didatangi para lelaki. Mereka belum menyaksikan pasar yang sesak, orang-orang menyanyi dan sebagainya.

Memahami hal ini, maka sangat aneh jika ada orang yang hobi ke pasar. Datang ke pasar hanya untuk jalan-jalan. Tidak hanya berlaku bagi para isteri, peringatan ini berlaku bagi semua golongan. Untuk ke pasar boleh sahaja bagi mereka yang memerlukan kerana Allah menceritakan, para nabi juga ke pasar untuk mencari rezki bagi mencukupi nafkah keluarganya:

وَمَا أَرْسَلْنَا قَبْلَكَ مِنَ الْمُرْسَلِينَ إِلَّا إِهْمًا لِيَأْكُلُوا الطَّعَامَ وَيَتَشَبَّهُوا فِي الْأَسْوَاقِ

Maksudnya: “Kami tidak mengutus rasul-rasul sebelumnya, melainkan mereka sungguh memakan makanan dan berjalan di pasar-pasar.” (Al-Furqan: 20)

### Membiarkan Makanan Tidak Tertutup

Daripada Jabir bahawasanya Rasulullah ﷺ bersabda:

غَطُّوا الْإِنَاءَ، وَأَوْكُوا السِّقَاءَ، وَأَغْلِقُوا الْبَابَ، وَأَطْفِئُوا السِّرَاجَ، فَإِنَّ الشَّيْطَانَ لَا يَخْلُكُ سِقَاءً، وَلَا يَفْتَحُ بَابًا، وَلَا يَكْشِفُ إِنَاءً، فَإِنْ لَمْ يَجِدْ أَحَدَكُمْ إِلَّا أَنْ يَغْرُضَ عَلَى إِيَّائِهِ عَوْدًا، وَيَذْكُرَ اسْمَ اللَّهِ، فَلْيَفْعَلْ، فَإِنَّ الْفَوْسِقَةَ تُضْرَمُ عَلَى أَهْلِ الْبَيْتِ بَيْتَهُمْ.

**Maksudnya:** “Tutuplah bekas-bekas makanan, rapatkan penutup bekas-bekas minuman, tutuplah pintu-pintu dan padamkanlah lampu-lampu, kerana syaitan tidak dapat membuka bekas minuman, membuka pintu dan membuka bekas makanan (yang telah ditutup). Jika kalian tidak mempunyai penutupnya kecuali sebatang kayu yang diletakkan di atasnya dan menyebut nama Allah, maka lakukanlah. Sesungguhnya tikus boleh merosakkan pemilik rumah dengan membakar rumah mereka.” (Muslim, no: 2012).

Imam Nawawi menjelaskan bahawa hadis ini menyatakan beberapa adab yang menjadi asbab terselamat daripada kejahatan dan gangguan syaitan kerana syaitan-syaitan tidak diberi kekuatan untuk membuka bekas-bekas dan pintu-pintu rumah yang telah ditutup dan disebutkan nama Allah SWT. Adab-adab ini juga bertujuan untuk menjamin keselamatan dan masalah bukan sahaja untuk di dunia, malah untuk di akhirat jua.

### Mematikan Lampu Dengan Kaedah Meniup

Dari Ibnu ‘Umar radhiyallahu ‘anhuma, Nabi ﷺ bersabda,

لَا تَتْرَكُوا النَّارَ فِي بُيُوتِكُمْ حِينَ تَنَامُونَ

Maksudnya: “Janganlah biarkan api di rumah kalian (menyala) ketika kalian sedang tidur.” (Al-Bukhari, no: 6293 dan Muslim, no: 2015)

Dari Abu Musa Al Asy’ari radhiyallahu ‘anhu, ia berkata,

اخْتَرَقَ بَيْتَ بِالْمَدِينَةِ عَلَى أَهْلِهِ مِنَ اللَّيْلِ ، فَخَدَّتْ بِشَأْنِهِمُ النَّجِيُّ ﷺ قَالَ إِنَّ هَذِهِ النَّارُ إِنَّمَا هِيَ عَدُوُّكُمْ ، فَإِذَا نِمْتُمْ فَأَطْفَأْتُمُوهَا عَنْكُمْ

Maksudnya: “Ada sebuah rumah di Madinah terbakar mengenai penghuninya pada waktu malam. Kejadian tersebut lantas diceritakan pada Nabi ﷺ “Api ini adalah musuh kalian. Apabila kalian tidur, padamkanlah api.” (Al-Bukhari, no: 6293 dan Muslim, no: 2016).

**Boros**

Daripada Abu Hurairah, ia berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

إِنَّ اللَّهَ يَرْضَى لَكُمْ أَنْ تَعْبُدُوهُ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ أَنْ تَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ مَعَكُمْ فَمَا وَكَثُرَ السُّؤَالِ وَإِضَاعَةَ الْأَمْوَالِ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah redha kepada kamu tiga perkara dan murka jika kamu melakukan tiga perkara. Allah redha jika kamu menyembah-Nya dan tidak mempersekutukan-Nya dengan sesuatu pun, dan (Allah meridhai) jika kamu berpegang teguh kepada tali Allah dan kamu saling menasihati terhadap pemerintah yang mengatur urusanmu. Allah murka jika kamu sibuk dengan khabar angin, bertanya banyak perkara yang sia-sia dan membazirkan harta kamu.” (Muslim, no: 1715)

**Malas dan Lemah**

Daripada Anas bin Malik radhiyallahu ‘anhu berkata bahawa Rasulullah ﷺ biasa membaca doa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْعَجْزِ وَالْكَسَلِ وَالْجُبْنِ وَالْهَرَمِ وَالْبَخْلِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ

Maksudnya: “Ya Allah, aku berlindung kepada-Mu dari kelemahan, rasa malas, rasa takut, nyanyuk di waktu tua, dan sifat bakhil. Dan aku juga berlindung kepada-Mu dari seksa kubur serta bencana kehidupan dan kematian.” (al-Bukhari, no: 6367 dan Muslim, no: 2706).

**ANALISIS KEFAHAMAN WARGA EMAS TERHADAP SENARAI PETUA**

Warga emas ditakrifkan sebagai mereka yang berumur 60 tahun ke atas. Takrifan ini berpandukan kepada takrifan yang dibuat di "World Assembly on Ageing 1982" di Vienna. Pengalaman mereka terhadap maklumat dan ilmu berkaitan petua dan pantang larang hanya wujud melalui percakapan dan nasihat. Sehubungan dengan itu, kajian mengambil suatu inisiatif bagi menggumpalkan segala rahsia petua al-Zarnuji dalam kitab *Ta'lim wa al-Muta'llim* yang dapat difahami oleh golongan ini agar dapat digarapkan dalam bentuk bersesuaian dengan budaya dan adat masyarakat Melayu. Berikut adalah beberapa aspek petua dan pantang larang yang wujud dalam masyarakat Melayu di Kuala Lipis Pahang, bersesuaian dengan 34 petua mengundang kefakiran yang dimasukkan al-Zarnuji dalam bab “Perkara yang Menambahkan Rezeki dan Menghalangkannya dan Perkara yang Boleh Menambahkan Umur dan Mengurangkannya”.

Jadual 3. Petua Dan Hikmah Yang Wujud Dalam Masyarakat Melayu

BIL	FAKTOR KEKURANGAN REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
1.	Tidur bertelanjang.	5 responden setuju dengan petua ini. Mereka berpandangan bahawa petua ini sekiranya dilakukan mengakibatkan syaitan bersama seseorang ketika tidur.
2.	Mandi bertelanjang.	5 responden setuju dengan petua ini.

BIL	FAKTOR KEKURANGAN REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mereka berpandangan bahawa sungai dan parit menjadi rutin bagi orang Melayu untuk mandi.</li> <li>2. Justeru, mandi dalam keadaan telanjang ini menunjukkan orang Melayu pada zaman dahulu miskin dan tidak banyak baju yang boleh dipakai.</li> </ol>
3.	Makan dalam keadaan berhadass besar atau makan secara bersandar.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua seumpama ini mampu mengurangkan rezeki.
4.	Memandang mudah sisa-sisa makanan yang jatuh berserakan.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mereka berpandangan bahawa petua ini adalah “pemali” iaitu larangan atau pantang selama-lamanya.</li> <li>2. Menganggap bermudah-mudah dengan sisa makanan adalah perbuatan khianat dengan rezeki.</li> <li>3. Untuk elak dari membazir.</li> </ol>
5.	Membakar kulit bawang merah dan bawang putih.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbuatan ini dianggap untuk menghalau syaitan.</li> <li>2. Mampu mengundang kemiskinan.</li> <li>3. Melibatkan syaitan dan iblis.</li> <li>4. Mengganggu wanita sesudah bersalin untuk berpantang.</li> </ol>
6.	Menyapu rumah pada malam hari.	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Perbuatan ini seumpama menyapu rezeki.</li> <li>2. Rumah Melayu zaman dahulu banyak membela ayam. Justeru, segala sisa makanan di rumah di malam hari tidak dapat dimakan oleh ayam belaan tersebut.</li> <li>3. Pada malam hari Syaitan berkeliaran.</li> </ol>
7.	Meninggalkan sampah yang disapu di dalam rumah	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kuman dan bakteria akan merebak.</li> </ol>
8.	Berjalan di hadapan orang-orang tua	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menunjukkan kurang adab.</li> </ol>
9.	Memanggil nama ibu bapa dengan cara berteriak	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tidak bau syurga.</li> <li>2. Relevan dengan Hadith keutamaan sebutan Ibu tiga kali dan sebutan ayah hanya sekali.</li> </ol>
10.	Menyungkil gigi dengan sebarang kayu.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua ini.
11.	Membasuh tangan dengan tanah liat dan debu	<p>Seorang responden sahaja pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Kebimbangan kena samak.</li> </ol>
12.	Duduk di atas beranda pintu	<p>5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menghalang orang lain untuk masuk.</li> </ol>

BIL	FAKTOR KEKURANGAN REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
13.	Bersandar pada daun pintu.	2. Tidak digalakkan bagi wanita mengandung kerana dikhuatiri sukar untuk bersalin. 2 responden pernah mendengar petua ini. 1. Ini kerana keadaan pagi ini diumpamakan sebagai pintu bagi rezeki untuk masuk.
14.	Berwuduk di tempat orang istirahat/ jamban.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Jangan baca bismillah. 2. Kurang adab. 3. Tempat syaitan.
15.	Menjahit pakaian yang sedang di pakai.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Larangan secara khusus untuk wanita mengandung dari berbuat petua ini kerana dikhuatiri akan lekat uri Ketika bersalin kelak.
16.	Mengeringkan muka dengan pakaiannya sendiri.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini namun tidak memberi sebarang komen.
17.	Membiarkan sarang lebah berada dirumah.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Serabut mata memandang.
18.	Meringankan solat.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini namun tidak memberi sebarang komen.
19.	Bergegas keluar masjid setelah solat Subuh.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Boleh mengurangkan pahala.
20.	Pergi ke pasar pagi-pagi dan lambat balik.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Ini kerana mampu menghabiskan jumlah wang yang ada. 2. Menandakan seseorang itu tidak sempat masak.
21.	Membeli makanan dari peminta-minta.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua ini.
22.	Mendoakan buruk kepada anak.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Sukar mendapat anak soleh atau solehah sekiranya perbuatan ini diamalkan.
23.	Membiarkan makanan tidak tertutup.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Menyebabkan kesakitan.
24.	Mematikan lampu dengan meniup.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Seolah-olah menyalakan api neraka. 2. Hendaklah dipicit atau diribas menggunakan tangan kearah api itu untuk memadamkannya.
25.	Menulis dengan pen yang pecah dan diikat (kerana patah dan rosak).	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. Namun tidak tahu memberi komen terhadap petua ini.
26.	Bersikat rambut dengan sikat yang patah.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Ini dikhuatiri mampu menyebabkan kulit kepala rosak atau sakit kulit.
27.	Meninggalkan doa kebaikan kepada ibu bapa.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. Namun tidak memberi sebarang komen kerana perbuatan ini makruf.
28.	Melilit serban sambil duduk.	5 responden sepakat tidak pernah mendengar petua ini.
29.	Memakai seluar sambal berdiri.	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini.

BIL	FAKTOR KEKURANGAN REZEKI	HIKMAH MENURUT WARGA EMAS DI KUALA LIPIS
30.	Bakhil dan berkira dalam berbelanja.	1. Mampu memberi kesakitan kepada si pemakai kelak. 5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. Namun tidak memberi sebarang komen.
34.	Memperudahkan-mudah dalam urusan	5 responden sepakat pernah mendengar petua ini. 1. Dikhuatiri akan ditimpa kesusahan kelak.

### KESIMPULAN

Data kajian yang telah dikumpul, disaring dan dianalisis dengan penekanan dalam menyetengahkan unsur-unsur yang menunjukkan hikmah petua dan pantang larang mengundang kefakiran, khususnya dari aspek kehidupan seharian, hidup berkeluarga dan keselamatan diri, dengan agama Islam penelitian akan berkisar tentang signifikan amalan petua serta pantang larang tradisional ini pada zaman sekarang. Beberapa hadis terpilih telah diambil untuk menguatkan hujah dan petua-petua yang diamalkan selama ini oleh orang ramai. Analisa terhadap data yang dikumpulkan didapati bahawa secara keseluruhannya terdapat amalan petua dan pantang larang yang diamalkan oleh responden sejak turun temurun dan berkait juga dengan petua mengurang rezeki dari kitab al-Zarnuji. Ianya boleh dilihat kepada petua yang diamalkan secara berterusan dari sebelumnya bertujuan memandu cara hidup yang lebih selamat, yakni dengan membuat sesuatu berlandaskan kepercayaan dan agama Islam agar hal-hal yang tidak diingini dapat dielakkan. Begitu juga halnya dengan pantang larang yang mana terdapat kaitan dan pertindanan antara kedua-duanya dengan asas bahawa petua dan pantang larang yang diamalkan dalam masyarakat terdahulu dan diaplikasikan pada masa kini dapat memelihara kehidupan dalam acuan selamat dan jauh daripada perkara-perkara buruk didalam kehidupan seharian. Tidak mustahil jika dikatakan petua dan pantang larang lama ini dilihat bermanfaat sebagai panduan dan nasihat kepada masyarakat dalam menelusuri alur kehidupan, justeru ada antaranya yang masih diamalkan sehingga kini. Sedangkan dalam Islam itu sendiri ada tiga asas utama yang saling berkait rapat iaitu akidah, syariat dan akhlak. Selagimana petua ini tidak bercangah dengan asas ini maka dibolehkan untuk diamalkan segala petua ini.

## BIBLIOGRAFI

- Abudin Nata. 2001. *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam* (Jakarta: Seri Kajian Filsafat Pendidikan Islam, PT. Raja Grafindo Persada).
- Abi Zakariyya Mahyu al-Din Bin Sharf al-Nawawiy. n.d. *Majmu' Sharh al-Muhazzab*.
- Abu al-Baqa al-Kafawi, 1998. *Al-Kulliyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- 'Abd Allāh ibn 'Abd al-Rahmān al-Bassām. 2003. *Tawdīh al-aḥkām min Bulūgh al-marām*. Maktabah al-Asadi.
- 'Abd Al-'Aziz Al al-Shaykh. 2008. *Mawsu'at al- Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin. Riyad: Dar al-Salam.
- Abdullah bin Muhammad Ibrahim Abi Syaibah. 2008. *Musannaf bin Abi Syaibah*. Al-Qaherah: al-Faruq al-Hadithiyah.
- Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalaniy. 2005. *Fath al-Bari*. Riyad. Dar Toybah.
- Awaludin Pimay. 1999. *Konsep Pendidik Dalam Islam (Studi Komparasi Pandangan AlGhozali Dan Al-Zarnuji)*, Tesis PPS IAIN Walisongo Semarang, (Semarang: Perpustakaan Pasca Sarjana IAIN Walisongo).
- Hamidah Abdul Wahab. 2013. *Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak*. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(1).
- Kawaid, A. I. S. D., Bakar, A. I. A., Yabi, S., Kawaid, M. K. N. D. 2022. *Kitab Arba'un Hadithan Fi Ishtina' Al-Ma'ruf Bayna Al-Muslimin Oleh Imam Al-Mundhiri: Satu Kajian Takhrij*. *Journal of Hadith Studies*. Vol 7. No. 2 (December 2022) eISSN: 2550-1488.
- Jum'ah, 'A. 2006. *Hasyiah Al-Imam Al-Bajuri 'Ala Jauharah Al-Tauhid Al-Musamma Tuhfat Al-Murid 'Ala Jauharah Al-Tauhid*. Kaherah: Dar Al-Salam. Cet. 3.
- Al-Zarnuji. 2013. *Panduan belajar Menurut Kaedah Islam*. Terj. Abdul Ganiy Jabal Maraqy. Kelantan: Jabal Maraqy Enterprise.
- Nata, A. 2001. *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam*, Jakarta: Seri Kajian Filsafat Pendidikan Islam, PT. Raja Grafindo Persada, 104.
- Pimay, A. 1999. *Konsep Pendidik Dalam Islam: Studi Komparasi Pandangan al-Ghozali dan al-Zarnuji*, Tesis PPS IAIN Walisongo Semarang, Semarang: Perpustakaan Pasca Sarjana IAIN Walisongo, hlm. 29-30.
- Yenti, E., Hasramita, Hanif Aidhil Alwana. 2020. *Memaknai Perolehan Rezeki Dalam Hukum Ekonomi Syariah, Alhurriyah: Jurnal Hukum Islam*. Vol. 05. No. 02. Juli-Desember 2020
- Wahab, H.A. 2013. *Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak*, (*International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 1(1)).
- Ibnu Faris. 1999. *Mu'jam Maqayis al- Lughah*, Juz 4, Cet. Ke-1. Beirut, Dar al-Jail.

- Baharom, N. (2016). *Kamus Dewan edisi ke 4*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2016), hlm. 1202.
- Mansor, S.K.M., Rahim, S. I. A dan Zainal, N. H. 2021. Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam. *Journal of Contemporary Islamic Studies*.
- Muhyi al-Din Abi Zakariyya Yahya bin Sharf al-Nawawiy. 1929. Imam al-Nawawiy. *Sharh Sahih Muslim*. Mishriyyah al-Qadimah.
- ‘Uthmān ibn Shaṭā al-Bakrī Abū Bakr. 1300H. *I‘ā‘nat al-ṭālibīn ‘alá ḥall al-fāz Fath al-Mu‘īn*. Dār Ihya’ al-Kutub al-‘Arabīyah ‘Īsá al-Bābī al-Ḥalabī.
- Syu ‘aib ibn Muharram Al-Albani Al-Arnaut. 2001. *Mawsu‘ah Hadithiyah Musnad Imam Ahmad bin Hanbal*. Muassasah al-Risalah.
- Whaley, A.L., Davis, K.E. 2007. *Cultural competence and evidence-based practice in mental health service*. *Am. Psychol.* 62 (6) 563–574.